

Bakal pertaruh lebih ramai calon Melayu

DAP diramal teruja lantik wakil mereka jadi menteri besar pada PRU14

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - DAP diramal akan meletakkan lebih ramai calon Melayu daripada parti itu pada PRU14 bagi merebut kerusi Menteri Besar Selangor.

Penganalisis politik, **Profesor Dr Fuad Mat Jali** berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan DAP amat teruja untuk melantik wakil daripada parti itu bagi menjawat jawatan menteri besar jika mereka menang majoriti.

"Mereka tahu wakil Cina tak boleh isi kerusi menteri besar kerana ia bertentangan dengan perlembagaan, jadi mereka akan letak calon Melayu bagi mencapai hasrat mereka.

"Hal ini kerana mengikut Perlembagaan Malaysia, menteri besar haruslah berketurunan Melayu dan beragama Islam bahkan pelantikannya juga haruslah dipersetujui sultan," katanya ketika diminta mengulas berhubung ramalan yang mendakwa DAP akan meletakkan lebih ramai calon Melayu pada PRU14 nanti.

Menurutnya, pihaknya turut berpendapat DAP akan meletakkan calon Melayu di kawasan yang selamat



FUAD

dan mudah untuk menang.

"DAP memang tak tunjuk keterujaan mereka namun mereka suka main cara halus, mereka memang nak wakil daripada parti tersebut untuk diangkat sebagai menteri besar.

"Namun begitu, kehendak DAP mestilah dipersetujui oleh Pakatan Harapan dan kalangan rakan daripada parti lain juga.

"Jika Pakatan Harapan tak setuju, mungkin pertelingkahan besar akan berlaku di antara mereka," katanya.